

8.7.2025
Siaran Media

DATO' IR. PATHMANATHAN K.
CEO, PBAHB dan PBAPP.

PBAPP LANCAR PROGRAM SUKUK RM5.0 BILION DAN KERANGKA KEWANGAN MAMPAH

Disokong Penarafan Kredit AAA/Stable dan Penarafan Emas Kewangan Mampan

PULAU PINANG, 8 Julai 2025 – Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP) hari ini mencatat satu detik bersejarah dengan pelancaran rasmi Program *Islamic Medium Term Notes* (IMTN) sulungnya berjumlah RM5.0 bilion serta Kerangka Kewangan Mampan – menjadikan PBAPP syarikat berkaitan kerajaan negeri Pulau Pinang yang pertama menuju kedua-dua inisiatif ini.

Program IMTN ini menggunakan struktur patuh Syariah Sukuk Wakalah, yang membolehkan PBAPP memperoleh pembiayaan jangka sederhana hingga panjang melalui pasaran modal Malaysia secara mampan dan berskala.

Majlis menandatangani perjanjian menyaksikan kerjasama rasmi PBAPP bersama Maybank Investment Bank Berhad dan United Overseas Bank (Malaysia), yang telah dilantik sebagai Penasihat Utama Bersama, Pengatur Utama Bersama dan Pengurus Utama Bersama bagi Program Sukuk ini. Majlis turut disaksikan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Global Banking Maybank, Dato' John Chong dan Ketua Pegawai Eksekutif UOB Malaysia, Ng Wei Wei.

Program Sukuk ini telah diberikan penarafan kredit AAA/Stable oleh RAM Rating Services Berhad (RAM), iaitu penarafan kredit tertinggi di peringkat domestik, mencerminkan asas kredit kukuh PBAPP. Pada masa yang sama, Kerangka Kewangan Mampan yang dilancarkan turut menerima Penarafan Emas Kewangan Mampan daripada RAM Sustainability Sdn. Bhd., sebagai pengiktirafan terhadap tadbir urus, ketelusan dan penjajaran PBAPP dalam amalan terbaik antarabangsa dalam kewangan mampan. Maybank Investment Bank bertindak sebagai Penasihat Penstruktur Mampan tunggal bagi penubuhan Kerangka Kewangan Mampan PBAPP.

Hasil daripada penerbitan Sukuk Wakalah ini akan digunakan bagi menyokong:

1. Pelan Kontingen Air 2030 (WCP 2030) PBAPP, dengan anggaran pelaburan berjumlah RM2.099 bilion;



PBA
Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs

2. Perbelanjaan modal (CAPEX), perbelanjaan operasi (OPEX) dan keperluan pembiayaan semula;
- 3.
4. Inisiatif hijau dan sosial lain yang layak di bawah Kerangka Kewangan Mampan.

Pelancaran berganda ini merupakan langkah transformasi dalam cara kita membiayai infrastruktur bekalan air. Dengan memanfaatkan pasaran modal melalui platform mampan, kita sedang mempelbagaikan asas dana, mengurangkan kebergantungan kepada pinjaman dan geran kerajaan, serta mengukuhkan komitmen jangka panjang terhadap daya tahan kewangan dan alam sekitar. Ia turut membuka ruang pelaburan baharu kepada pelabur yang mencari pulangan stabil dengan impak positif kepada alam sekitar dan sosial.

Walaupun had Program Sukuk adalah pada RM5.0 bilion, PBAPP akan menerbitkan Sukuk secara berperingkat selaras dengan keperluan projek sebenar. Program Sukuk ini bertindak sebagai dana strategik PBAPP, menawarkan platform pembiayaan yang fleksibel dan berskala untuk menyokong pelan pembangunan infrastruktur jangka panjang. Terbitan awal pada tahun 2025 adalah jauh di bawah had program, dan akan disesuaikan dengan keperluan pelaburan jangka pendek.

PBAPP merakamkan penghargaan kepada Maybank dan UOB atas kerjasama dalam segala usaha ini, serta kepada RAM atas penarafan kredit tertinggi dan penarafan emas kewangan mampan yang telah diberikan. Kami amat menghargai hubungan kerja yang kukuh bersama penasihat kami, yang telah memainkan peranan penting dalam memberikan nasihat dan membangunkan struktur Program Sukuk dan Kerangka Kewangan Mampan ini.

Kami juga akan terus bekerjasama rapat dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi memastikan kemudahan Sukuk ini digunakan secara efektif. Usaha ini akan mempercepatkan pembangunan infrastruktur air dan memperkuatkan perkhidmatan bekalan air selaras dengan aspirasi “Penang2030”.

Sekian, terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Seksyen Komunikasi Korporat
Email : comms@pba.com.my